

## **PERSEPSI PELAJAR UPSI TERHADAP APLIKASI MYCUACA DALAM PERSEKITARAN KAMPUS LESTARI**

*(PERCEPTION OF UPSI STUDENTS IN CONSUMPTION OF MYCUACA  
APPLICATIONS IN A SUSTAINABLE CAMPUS ENVIRONMENT)*

**Noriedayu Jusoh, Mohd Hairy Ibrahim\*, Kamarul Ismail,  
Nor Kalsum Mohd Isa, Mohd Hashiq Hashim, Mohd Ihsan Muhamad  
Ismail, Mohd Hishamudin Che Omar &  
Aditya Saputra**

### **Abstrak**

---

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar Ijazah Sarjana Muda Geografi terhadap penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari daripada aspek pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca. Aplikasi myCuaca amat penting diketahui kerana dapat membantu memberi maklumat semasa cuaca dan menghindari kesan bencana. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melalui instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini. Seramai 108 responden daripada pelajar Sarjana Muda pendidikan (ISMP) Geografi bagi Tahun 2020 dipilih melalui kaedah pensampelan secara rawak mudah. Analisis deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) serta analisis inferensi (korelasi Pearson dan Ujian-t) digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan ( $M= 2.83$ ,  $SP= 0.41$ ), sikap ( $M= 2.84$ ,  $SP= 0.37$ ) dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.50$ ) berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya hasil dapatan daripada analisis korelasi Pearson mendapati bahawa wujud hubungan yang positif dan signifikan antara pengetahuan dengan sikap penggunaan aplikasi myCuaca ( $r= 0.621$ ,  $p= 0.000$ ). Seterusnya, hubungan pengetahuan dengan amalan penggunaan aplikasi myCuaca juga menunjukkan hubungan yang signifikan ( $r= 0.520$ ,  $p= 0.000$ ) dan hubungan sikap dengan amalan penggunaan aplikasi myCuaca juga adalah signifikan ( $r= 0.590$ ,  $p= 0.000$ ). Manakala, bagi Ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca dalam kalangan pelajar ISMP Geografi berdasarkan jantina dengan nilai tahap pengetahuan [ $t= 0.06$ ,  $\text{sig}= 0.95$  ( $p>0.05$ )], sikap [ $t= 0.47$ ,  $\text{sig}= 0.64$  ( $p>0.05$ )] dan amalan [ $t= -0.11$ ,  $\text{sig}= 0.951$  ( $p>0.05$ )]. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca dalam kalangan mahasiswa Geografi adalah sederhana. Dapatan hasil analisis korelasi turut menunjukkan terdapat hubungan antara kesemua pemboleh ubah kajian. Maka adalah wajar bahawa pemboleh ubah kajian yang dikaji diambil kira untuk meningkatkan penggunaan aplikasi myCuaca.

---

**Kata kunci:** myCuaca, pengetahuan, sikap, amalan, persekitaran kampus lestari

### **Abstract**

---

*This study aims to identify the perceptions of Geography students on the use of myCuaca application within a sustainable campus from the aspect of knowledge, attitudes, and practices. The application is essential to know because it can help provide weather and disaster information. A quantitative approach with survey design through questionnaire instrument was used in this study. A total of 108 respondents from Bachelor of Education (ISMP) Geography students for the Year 2020 were selected through a simple random sampling method. Descriptive analysis (frequency, percentage, mean and standard deviation) and inference analysis (Pearson correlation and t-test) were used in this study. The result shows that the level of knowledge ( $M = 2.83$ ,  $SD = 0.41$ ), attitude ( $M = 2.84$ ,  $SD = 0.37$ ) and the practice ( $M = 2.65$ ,  $SD = 0.50$ ) of using myCuaca application still in moderate level. Furthermore, the Pearson correlation analysis results found a positive and significant relationship between knowledge and the attitude of using myCuaca application ( $r = 0.621$ ,  $p = 0.000$ ). Moreover, the relationship between knowledge and the practices of using myCuaca application also showed a significant relationship ( $r = 0.520$ ,  $p = 0.000$ ) while the relationship of attitude with myCuaca application usage practices was also significant ( $r = 0.590$ ,  $p = 0.000$ ). The t-test analysis showed a significant difference in knowledge, attitude and the practice of using myCuaca application in ISMP Geography students based on gender that shows the values of knowledge [ $t = 0.06$ ,  $sig = 0.95$  ( $p > 0.05$ )], attitude [ $t = 0.47$ ,  $sig = 0.64$  ( $p > 0.05$ )] and practice [ $t = -0.11$ ,  $sig = 0.951$  ( $p > 0.05$ )]. Overall, this study shows that the knowledge, attitude, and practice of using the myCuaca application among Geography students are still moderate. All of the study variables show a significant relationship. Therefore, all the variables should be taken into account to increase the use of myCuaca application.*

---

**Keywords:** *myCuaca, knowledge, attitudes, practice, sustainable campus.*

### **PENGENALAN**

Pengetahuan cuaca amat penting diketahui oleh semua pihak dalam menangani keadaan cuaca semasa dalam menghindari kejadian bencana termasuk pelajar. Dalam meningkatkan pengetahuan ini teknologi MyCuaca telah dibangunkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dalam membantu masyarakat peka dengan keadaan cuaca ini termasuk pelajar di institusi pengajian tinggi. Perkembangan teknologi telekomunikasi berkembang pesat sehinggakan semua pihak mampu mempunyai telefon pintar termasuk pelajar. Kebanyakan pelajar mempunyai telefon pintar yang memudahkan mereka untuk memuat turun aplikasi MyCuaca dengan mudah. Dengan keadaan cuaca dan iklim yang tidak menentu, kita memerlukan informasi berkaitan dengan keadaan cuaca dan iklim dari semasa ke semasa (Iseh dan Woma 2013). Oleh itu, betapa pentingnya ramalan cuaca untuk meramalkan keadaan cuaca dan iklim semasa. Peramalan adalah salah satu teknologi bagi mendapatkan keadaan cuaca dan iklim dengan cepat (Kamus Dewan Edisi Keempat 2013; Khan, Farukh & Rahman 2018). Jabatan Meteorologi Malaysia meningkatkan kecekapan teknologinya dengan mewujudkan sistem peramalan cuaca. Dengan adanya teknologi yang canggih, Jabatan Meteorologi Malaysia dapat menyediakan maklumat cuaca, amaran awal tentang kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk, memantau kandungan atmosfera di Malaysia dan sebagainya.

### **APLIKASI myCuaca**

Selain Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), terdapat banyak syarikat yang telah mengembangkan pelbagai jenis aplikasi pemantauan dan peramalan cuaca yang disediakan secara percuma dan salah satunya adalah *MyFree Weather*. Aplikasi ini merupakan *software* ramalan cuaca yang komprehensif dan mudah digunakan sebagai pemantauan cuaca apabila kita memerlukan maklumat cuaca terkini untuk sesuatu lokasi. MetMalaysia telah mengeluarkan satu aplikasi myCuaca untuk dimuat turun oleh seluruh rakyat Malaysia dan seterusnya membolehkan manfaat

aplikasi tersebut digunakan secara optimum. Aplikasi ini telah dibangunkan oleh MetMalaysia dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan boleh dimuat turun secara percuma di *App Store* dan *Google Play*. Maklumat yang boleh diperoleh daripada aplikasi myCuaca, pengguna mudah memperoleh maklumat penting mengenai meteorologi dan seismologi dari sumber yang sah dan sekali gus mengelakkan penularan mesej palsu.

Berdasarkan kajian Minh Duc Phan (2017), segala jenis maklumat mungkin dapat dicari dengan kerap adanya ramalan cuaca. Sangat penting untuk memahami banyak aspek bagaimana dan mengapa orang memperoleh maklumat ini, bermula dengan sumbernya dan kemudian bagaimana orang menggunakan pengetahuan yang mereka peroleh dalam aktiviti seharian (Mueller 1986; Jamilah et al. 2011). Pertumbuhan pesat dalam teknologi peranti mudah alih telah mencipta kaedah kontemporari baru bagi orang ramai untuk mengakses ramalan cuaca. Kajian Balasubramanian (2016), ramalan cuaca masih mempunyai batasan walaupun penggunaan teknologi moden dan teknik yang lebih baik untuk meramalkan cuaca. Ramalan cuaca adalah rumit dan tidak terlalu tepat terutamanya untuk hari-hari berikutnya. Hal ini kerana cuaca boleh berubah dan tidak dapat diramalkan. Sekiranya corak cuaca agak stabil, kaedah ramalan memberikan teknik yang agak baik untuk meramalkan cuaca pada hari berikutnya. Menurut Wiston (2018), Ramalan cuaca telah lama berlaku sejak awal peradaban dan akan terus wujud. Manusia selalu berminat dengan cuaca dan ingin mengetahui pelbagai kaedah untuk membolehkan mereka mengetahui cuaca terlebih dahulu. Ramalan dan ramalan cuaca awal dibuat berdasarkan pengalaman peribadi tanpa eksperimen atau ujian. Tetapi menjadi semakin jelas bahawa lebih banyak pemahaman mengenai tingkah laku dinamik atmosfera sangat penting (Ibrahim et al. 2016).

Menurut Norhayati (2014), fenomena pemanasan global yang berlaku akibat daripada pemanasan iklim dunia telah menjadi isu sejagat dan perlu diberikan perhatian dari segi impak negatif terhadap pelbagai aspek kehidupan dan persekitaran seperti pertanian, sumber air, penempatan, kesihatan, tenaga dan sektor sosioekonomi masyarakat hari ini malahan generasi akan datang. Cabaran-cabaran ini telah membawa kepada evolusi konsep baharu yang dikenali sebagai Pembangunan Lestari (*Sustainable Development*).

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian kuantitatif. Pemilihan kaedah kuantitatif di mana objektif dan matlamat kajian adalah mengenai persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi myCuaca yang merangkumi aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengumpul data primer melalui soal selidik (Aiken 2000). Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi Tahun 2020. Jumlah sampel yang terlibat terdiri daripada 108 orang pelajar. Keadaan ini ditentukan berdasarkan pengiraan ukuran sampel Krejcie dan Morgan yang ditentukan melalui jadual penentuan saiz sampel (Krejcie dan Morgan 1970). Responden dipilih menggunakan teknik pensampelan secara rawak mudah melibatkan responden seramai 108 orang. Dalam usaha untuk mendapatkan responden bagi soal selidik ini, satu *Google Forms* telah diedarkan kerana Malaysia telah dilanda pandemik Covid-19. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penutupan sementara universiti atas arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu, dari segi pengendalian soal selidik, ia dilakukan secara atas talian hanya bergantung sepenuhnya kepada peranti mudah alih dan aplikasi *Whats.App* bagi mengedarkan soal selidik melalui pautan *Google Forms*.

Dalam kajian ini tiga pemboleh ubah yang terlibat iaitu pengetahuan penggunaan aplikasi myCuaca, sikap penggunaan aplikasi myCuaca dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca. Ujian statistik yang digunakan adalah analisis deskriptif, ujian-t dan korelasi *Pearson*. Ujian-t digunakan bagi tujuan menentukan perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan pelajar terhadap penggunaan aplikasi myCuaca berdasarkan jantina. Dalam kajian ini, signifikan kajian menggunakan Ujian t adalah pada aras  $p < 0.05$ . Manakala analisis korelasi *Pearson* digunakan adalah untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari. Jadual 1 merupakan interpretasi skor min berdasarkan Jamil Ahmad (dalam Abdul Aziz Rahman 2016).

Jadual 1. Skala skor min dan interpretasi

Skor Min	Tafsiran	Tahap Purata
1.00 - 2.33	Rendah	Lemah
2.34 - 3.66	Sederhana	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi	Baik

### Instrumen Kajian

Kaedah soal selidik ini merupakan satu bentuk instrumen yang banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperoleh fakta tentang sesuatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Di samping itu soal selidik ini juga digunakan untuk mengkaji berkenaan dengan sikap dan pendapat tentang sesuatu perkara. Oleh itu, dalam kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan persepsi pelajar ISMP Geografi terhadap penggunaan aplikasi myCuaca. Jadual 2 menunjukkan jumlah item bagi setiap pemboleh ubah dan nilai kebolehpercayaan (Din et al. 2009).

Jadual 2. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik pelajar

Bahagian	Elemen	Item (Nombor)	Bil	Nilai Alpha Cronbach
Bahagian A	Umur	1	1	0.95
	Jantina	2	1	
	Semester	3	1	
	Kaum	4	1	
	Status Perkahwinan	5	1	
	Jenis Kediaman Di Universiti	6	1	
Bahagian B	Pengetahuan Penggunaan Aplikasi myCuaca	1-14	14	0.85
Bahagian C	Sikap Penggunaan Aplikasi myCuaca	1-15	15	0.85
Bahagian D	Amalan Penggunaan Aplikasi myCuaca	1-12	12	0.84
Bahagian E	Komen dan Cadangan	1	1	


## HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

### Analisis Demografi Responden

Kajian melibatkan 108 orang responden yang terdiri daripada 33 orang (30.6%) responden lelaki dan 75 orang (69.4%) responden perempuan. Umur responden adalah antara 19-21, 22-24 dan 25-28 tahun. Responden yang terdiri daripada peringkat umur 19-21 tahun adalah 18.5% (20 orang). Manakala peringkat umur responden yang paling ramai adalah di antara 22-24 tahun iaitu sebanyak 65.7% (71 orang). Peringkat umur 25-28 tahun pula adalah 15.7% bersamaan dengan 17 orang responden. Responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ini rata-rata berstatus bujang, hanya segelintir sahaja responden yang terdiri daripada pelajar yang berstatus sudah berkahwin. Seramai 102 orang responden (94.4%) berstatus bujang. Manakala seramai 6 orang responden (5.6%) berstatus sudah berkahwin. Rajah 1 menunjukkan responden yang terdiri daripada pelajar ISMP Geografi seramai 108 orang Tahun 2020.

Rajah 1 menunjukkan kaum responden. Majoriti responden terdiri daripada kaum Melayu dengan jumlah seramai 85 orang responden (78.7%), manakala seramai 10 orang responden (9.3%) terdiri daripada kaum Bumiputera Sabah. Seterusnya, 12 orang responden (11.9%) terdiri daripada kaum Bumiputera Sarawak dan lain-lain kaum terdiri daripada 1 orang responden (0.9%). Berdasarkan Rajah 1, seramai 73 orang responden (67.6%) merupakan pelajar yang tinggal di Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK). Manakala, 18 orang responden (16.7%) merupakan pelajar yang tinggal di Kolej Harun Aminurrashid (KHAR). Seterusnya, responden yang tinggal di Kolej Ungku

Omar (KUO) adalah 11 orang (10.2%) dan responden yang tinggal di Kolej Za'ba dan Kolej Aminuddin Baki masing-masing adalah 4 orang responden (3.7%) dan 2 orang responden (1.9%).



Rajah 1. Maklumat demografi responden

### Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan Penggunaan Aplikasi myCuaca dalam Persekitaran Kampus Lestari

Jadual 3 menunjukkan keputusan kajian bagi tahap pengetahuan penggunaan aplikasi myCuaca, sikap penggunaan aplikasi myCuaca dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca pelajar ISMP Geografi dalam persekitaran kampus lestari.

Jadual 3. Tahap pengetahuan, sikap dan amalan pelajar ISMP Geografi terhadap penggunaan aplikasi mycuaca dalam persekitaran kampus lestari

Pemboleh ubah	Tahap rendah		Tahap sederhana		Tahap Tinggi		Min	Sisihan piawai	Tahap purata
	N	P (%)	N	P (%)	N	P (%)			
Pengetahuan penggunaan aplikasi myCuaca	1	0.9	17	15.7	90	83.3	2.82	0.41	Sederhana
Sikap penggunaan aplikasi myCuaca	-	-	17	15.7	91	84.3	2.84	0.37	Sederhana
Amalan penggunaan aplikasi myCuaca	1	0.9	36	33.3	71	65.7	2.65	0.50	Sederhana

Analisis keputusan menunjukkan bahawa pengetahuan penggunaan aplikasi myCuaca secara keseluruhannya berada di tahap sederhana ( $M= 2.83$  dan  $SP= 0.41$ ) merangkumi pengetahuan seramai 90 orang responden (83.3%) berada pada tahap tinggi, 17 orang responden (15.7%) berada pada tahap sederhana dan 1 orang responden berada pada tahap rendah. Seterusnya, ialah analisis keputusan untuk sikap penggunaan aplikasi myCuaca secara keseluruhannya berada di tahap sederhana ( $M= 2.84$ ,  $SP= 0.37$ ) iaitu seramai 91 orang responden (84.3%) berada di tahap tinggi dan 17 orang responden (15.7%) di tahap sederhana.

Selain itu, analisis keputusan untuk amalan penggunaan aplikasi myCuaca secara keseluruhan juga berada di tahap sederhana ( $M= 2.65$ ,  $SP= 0.50$ ) di mana seramai 71 orang responden (65.7%) berada pada tahap tinggi, amalan 36 orang responden (33.3%) berada pada tahap sederhana dan amalan 1 orang responden (0.9%) berada pada tahap rendah. Kesimpulannya, keseluruhan tahap pengetahuan, sikap dan amalan berada pada tahap sederhana.

### Hubungan di Antara Pengetahuan, Sikap dan Amalan Terhadap Penggunaan Aplikasi myCuaca dalam Persekitaran Kampus Lestari

Ujian korelasi dijalankan bertujuan untuk mengetahui tingkat hubungan antara variabel yang dinyatakan dengan keefisienan korelasi ( $r$ ) (Hashiroh & Norshuhada 2016). Kajian hubungan antara pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu penggunaan aplikasi myCuaca. Kekuatan nilai pekali korelasi diukur berdasarkan Jadual 4.

Jadual 4. Nilai pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi ( $r$ )	Kekuatan Korelasi
$\pm .81$ hingga 1.00	Sangat Kuat
$\pm .51$ hingga .80	Kuat
$\pm .31$ hingga .50	Sederhana
$\pm .21$ hingga .30	Lemah
$\pm .01$ hingga .20	Sangat Lemah

Hasil ujian korelasi yang dijalankan, Jadual 5 menunjukkan hasil analisis korelasi yang digunakan untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah kajian. Analisis korelasi menunjukkan hubungan signifikan bagi pengetahuan dengan sikap, pengetahuan dengan amalan dan sikap dengan amalan  $p = 0.000$ . Keadaan ini menunjukkan berkorelasi kerana nilai signifikan adalah  $<0.05$ .

Terdapat korelasi positif yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan dengan penggunaan aplikasi myCuaca ( $p = 0.000 < 0.05$ ). Bagi hubungan pengetahuan dengan sikap nilai pekali adalah 0.621 dan sig  $0.000 < 0.05$ , manakala pengetahuan dengan amalan nilai pekali 0.520 dan sig  $0.000 < 0.05$  seterusnya sikap dengan amalan pula nilai pekali 0.590 dan sig  $0.000 < 0.05$  menunjukkan arah hubungan yang positif. Hal ini membuktikan pengetahuan, sikap dan amalan mempengaruhi hubungan penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari (Norfadillah et al. 2012; Nor Kalsum 2017). Maka, wujudnya tingkat hubungan korelasi antara pengetahuan dengan sikap, pengetahuan dengan amalan dan sikap dengan amalan terhadap penggunaan aplikasi myCuaca.

Jadual 5. Data korelasi

Korelasi	Pengetahuan		Sikap		Amalan	
	P	R	P	R	P	R
Pengetahuan			0.000	0.621**	0.000	0.520**
Sikap	0.000	0.621**			0.000	0.590**
Amalan	0.000	0.520**	0.000	0.590**		

### Perbezaan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan Penggunaan Aplikasi myCuaca Dalam Persekitaran Kampus Lestari Berdasarkan Jantina Pelajar ISMP Geografi

Jadual 6 menunjukkan analisis perbezaan tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan pelajar ISMP Geografi terhadap penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari berdasarkan jantina dengan nilai  $t = 0.06$  dan  $\text{sig} = 0.95$  ( $p > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi nilai min, pelajar lelaki (min = 4.14 dan SP = 0.62) mencatatkan tahap pengetahuan penggunaan aplikasi myCuaca lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan (min = 4.13 dan SP = 0.50).

Hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sikap penggunaan aplikasi myCuaca dalam kalangan pelajar ISMP Geografi berdasarkan jantina dengan nilai  $t = 0.47$  dan  $\text{sig} = 0.64$  ( $P > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi nilai min, pelajar lelaki (min = 4.15 dan SP = 0.52) mencatatkan tahap sikap penggunaan aplikasi myCuaca lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan (min = 4.11 dan SP = 0.48).

Jadual 6. Analisis perbezaan tahap pengetahuan, sikap dan amalan pelajar ISMP geografi terhadap penggunaan aplikasi mycuaca berdasarkan jantina dalam persekitaran kampus lestari

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	SP	df	T	p
<b>Pengetahuan</b>	Lelaki	33	4.14	0.62	106	0.06	0.95
	perempuan	75	4.13	0.50			
<b>Sikap</b>	Lelaki	33	4.15	0.50	106	0.47	0.64
	Perempuan	75	4.11	0.48			
<b>Amalan</b>	Lelaki	33	3.89	0.70	106	-0.11	0.91
	Perempuan	75	3.91	0.57			

Bagi analisis perbezaan tahap amalan penggunaan aplikasi myCuaca pula, hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pelajar ISMP Geografi terhadap penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari berdasarkan jantina dengan nilai  $t = -0.11$  dan  $\text{sig} = 0.951$  ( $p > 0.05$ ). Jika dilihat dari segi nilai min, pelajar lelaki (min = 3.89 dan SP = 0.70) mencatatkan tahap amalan penggunaan aplikasi myCuaca lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan (min = 3.91 dan SP = 0.57).

Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu hipotesis nol tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan aplikasi myCuaca dalam kalangan pelajar ISMP Geografi berdasarkan jantina adalah gagal ditolak kerana nilai  $\text{sig} = 0.91$  ( $p > 0.05$ ). Oleh itu, tahap amalan penggunaan aplikasi myCuaca dalam kalangan pelajar ISMP Geografi tidak dipengaruhi oleh jantina. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan ISMP Geografi mempunyai amalan tentang penggunaan aplikasi myCuaca dan tahu bagaimana pentingnya penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari (Ngadiman et al. 2020).

### PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan, sikap dan amalan pelajar ISMP Geografi terhadap penggunaan aplikasi myCuaca dalam persekitaran kampus lestari adalah pada tahap sederhana. Di mana, pelajar mempunyai pengetahuan yang sederhana terhadap aplikasi myCuaca, seterusnya sikap dan amalan mereka juga berada pada tahap sederhana (Abd Rashid 2001). Usaha perlu dilakukan dengan mengadakan kempen kesedaran terhadap kepentingan penggunaan aplikasi myCuaca agar pelajar tahu akan kewujudan aplikasi ramalan cuaca ini untuk membantu mereka dalam persediaan semasa. Walaupun begitu, terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan pelajar terhadap penggunaan aplikasi myCuaca. Hasil perbandingan pengetahuan, sikap dan amalan berdasarkan jantina responden tidak memberi perbezaan di antara jantina pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Secara khususnya, kajian ini mendedahkan teknologi penggunaan aplikasi myCuaca yang sesuai digunakan oleh semua masyarakat. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, kajian berpendapat bahawa pelajar menggunakan aplikasi myCuaca persekitaran kampus lestari. Pelajar peka dengan keadaan cuaca di UPSI dan pandai menguruskan aktiviti harian dengan baik berdasarkan keadaan cuaca semasa.

## KESIMPULAN

Pembangunan myCuaca telah membantu semua pihak termasuk meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Penggunaan aplikasi myCuaca adalah seiring dengan pengetahuan, sikap dan amalan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi. Di samping itu, kebanyakan responden telah memberi cadangan untuk mengadakan kempen kesedaran, berkongsi manfaat, memberi maklumat tambahan penggunaan aplikasi myCuaca bukan sahaja kepada pelajar malah memperkenalkan kepada masyarakat. Kepentingan literasi cuaca dan iklim melalui penggunaan aplikasi myCuaca merupakan pendekatan yang penting dalam membantu mengurangkan kesan bencana alam. Ini adalah selari dengan matlamat 13 'Climate Action' dalam pembangunan mapan 2030.

## RUJUKAN

- Abd Rashid, A. R. 2001. *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd
- Abdul Aziz Rahman, A. A., Ahmad, A. R., Abdul Malek, J., & Awang, M. M. 2016. Penglibatan Sosial dan Pembudayaan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Tidak Formal dalam Kalangan Penduduk Bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia* 34(2): 75–100.
- Aiken, L. R. 2000. *Psychological Testing and Assessment*. Ed. Ke-10. Boston: Allyn & Bacon.
- Balasubramanian, A. 2017. *Weather Forecasting*. Mysore: Department of Studies in Earth Science University of Mysore.
- Duc Phan, M. 2017. Weather On the Go: An Assessment of Smartphone Mobile Weather Applications Use Among College Students. Master's thesis.
- Din, R., Ahmad, M., KZ, M., Mohamad Sidek, N., Abdul Karim, A., Johar, N. & Ariffin, S. 2009. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Gaya E-Pembelajaran (Else) Versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis* 5(2): 15-27.
- Hashiroh Hussain & Norshuhada Shiratuddin. 2016. Kebolehpercayaan dan korelasi elemen multimedia dan antara muka tablet dalam menilai penceritaan digital. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 31: 27–45.
- Ibrahim, S., Sahlan, N. & Jit Singh, M. 2016. Kajian Hubung Kait Tekanan dan Suhu Terhadap Taburan Kerpasan Di Malaysia Ketika Fenomena ENSO. *Jurnal Kejuruteraan* 28(1): 53-64.
- Iseh. A.J., & Woma, T. Y. 2013 (December). Weather Forecasting Models, Methods and Applications. *International Journal of Engineering Research & Technology (IJERT)* 2(12): 1945-1956.
- Jamilah, A., Hasrina, M., Hamidah, A.H., & Juliana, A.W. 2011. Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika* 81(3): 103-115.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru di sekolah: Satu penilaian. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Kamus Dewan*. 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Khan, M., Farukh, M. A., & Rahman, M. M. 2018. Application of Weather Forecasting Apps for Agricultural Development in Bangladesh. *Bangladesh Journal of Extension Education* 30(1): 53-61.
- Mueller, D. J. 1986. *Measuring Social Attitudes*. New York: Teachers College.
- Ngadiman, N., Mokhtar, M. & M. Yassin, R. 2020. Integrasi Kelestarian di Institusi Pendidikan Tinggi Melalui Pendekatan Keseluruhan Universiti (Whole University Approach). (online) Fp.utm.my. Available at: <<http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/128.pdf>> [4 Ogos 2020].



- Norhayati, N. 2014. Kajian Terhadap Model Kampus Lestari Universiti Awam di Malaysia: Suatu Pendekatan Terintegratif (Master's thesis). Retrieved from [http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/7897/1/norhayati\\_ngadiman.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/7897/1/norhayati_ngadiman.pdf).
- Norfadillah, D., Halimaton, S.H., Noraziah, A. & Sarah, A. 2012. UKM sebagai kampus lestari: Tinjauan awal pengetahuan, kesedaran dan penglibatan pelajar dan kakitangan di Kampus UKM Bangi. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 76-90.
- Nor Kalsum, M.I. 2017. Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Pelajar UPSI Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari. *Jurnal Perspektif* 8(1): 29-41.
- Wiston, M. & KM, M. 2018 (April 28). Weather Forecasting: From the Early Weather Wizards to Modern-day Weather Predictions. *Journal of Climatology & Weather Forecasting* 6(2): 2-9.

Noriedayu Jusoh  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: noriedayu\_j47@yahoo.com

Mohd Hairy Ibrahim\*, Ph.D  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: hairy@fsk.upsi.edu.my

Kamarul Ismail, Ph.D  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: kamarul.ismail@fsk.upsi.edu.my

Nor Kalsum Mohd Isa, Ph.D  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: norkalsum@fsk.upsi.edu.my

Mohd Hashiq Hashim  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: hashiqhashim94@gmail.com

Mohd Ihsan Muhamad Ismail  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: ihsan.intan.ihin@gmail.com

Mohd Hishamudin Che Omar  
Department of Geography and Environment,  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim, 35900  
Perak, Malaysia  
E-mel: naas\_0390@yahoo.com.my

Aditya Saputra, Ph.D  
Fakultas Geografi  
Universitas Muhammadiyah  
Surakarta, Indonesia  
E-mel: aditsaputra1987@gmail.com

\*Corresponding Author: hairy@fsk.upsi.edu.my

Diserahkan: 4 Mei 2021  
Diterima: 27 Ogos 2021  
Diterbitkan: 15 Disember 2021